

NO BILIK :



*(Gambar
Berukuran
Pasport)*

**PENERIMAAN TAWARAN MENGHUNI
KOLEJ KEDIAMAN (PELAJAR BAHARU)**

KOLEJ KEDIAMAN : _____ **SEMESTER :** _____ **SESI :** _____

Bahawasanya saya : _____ No. Matrik : _____

No. Kad Pengenalan : _____ dengan ini bersetuju untuk menerima tawaran menghuni Kolej Kediaman, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan wajib menghuni Kolej Kediaman berkuatkuasa mulai tarikh sesi pengajian Universiti seperti yang dinyatakan :-

1. Sepanjang tempoh pengajian di Kolej Kediaman UTHM Cawangan Pagoh.
2. Dalam tempoh (1) tahun di Kolej Kediaman UTHM Parit Raja.

(* Penempatan penginapan di Kolej Kediaman adalah berdasarkan kekosongan dan berkuatkuasa mulai tarikh sesi pengajian Universiti.) Pelajar perlu berjanji akan mematuhi syarat-syarat seperti yang berikut :

- i. Mematuhi peraturan-peraturan sebagaimana tertakluk di bawah AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 dan segala peraturan serta arahan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- ii. Pelajar baharu yang menginap di Kolej Kediaman UTHM Parit Raja / Kolej Kediaman UTHM Cawangan Pagoh adalah **TIDAK DIBENARKAN** membawa kenderaan ke Kolej Kediaman.
- iii. Bersetuju untuk menjelaskan segala yuran Kolej Kediaman dan apa-apa jua bayaran atau denda (sekiranya saya melanggar peraturan Kolej Kediaman atau Universiti).
- iv. Memberikan kerjasama dan komitmen dalam semua aktiviti Kolej Kediaman.
- v. Pelajar juga harus mematuhi larangan berikut :

Larangan Am Universiti

Representasi yang berhubungan dengan Universiti

14. Tiada seorang pun pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh, tanpa kelulusan Naib Canselor terlebih dahulu, membuat apa-apa representasi atau perhubungan lain, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain, kepada mana-mana pegawai awam atau kepada akhbar atau kepada orang ramai semasa memberikan apa-apa kuliah, ucapan atau pernyataan awam atau semasa membuat apa-apa penyiaran melalui bunyi atau gambar, berhubung dengan apa-apa perkara berkaitan dengan Universiti atau berkaitan dengan kakitangan atau pelajar Universiti, atas sifat mereka sebagai kakitangan atau pelajar Universiti atau berkaitan dengan dirinya atas sifatnya sebagai seorang pelajar Universiti.

Kuasa Pengetua untuk memberikan perintah, dsb., berkenaan dengan ketenteraman dan tata tertib

36. (1) Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Naib Canselor boleh, dari semasa ke semasa, memberikan sama ada secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah, arahan atau petunjuk sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk memelihara ketenteraman dan tata tertib di dalam asrama.

Hukuman Tata tertib

49. Seorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tata tertib di bawah Kaedah-Kaedah ini dan didapati bersalah bagi kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai seperti berikut:

- a) Amaran ;
- b) denda tidak melebihi satu ratus ringgit;
- c) dilarang berada atau memasuki mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan;
- d) digantung daripada menjadi pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
- e) dipecat daripada Universiti

vii. Bersetuju untuk melepaskan tanggungan terhadap pihak Kolej Kediaman atas apa jua tuntutan yang berpunca daripada kecuaiannya sendiri.

viii. **Maklumat Waris (untuk dihubungi sekiranya berlaku kecemasan)**

Waris 1

Nama : _____
Alamat : _____

Hubungan : _____
No Telefon : _____

Waris 2

Nama : _____
Alamat : _____

Hubungan : _____
No Telefon : _____

Yang benar,

Tandatangan Pelajar

Nama : _____
No. Tel : _____
Tarikh : _____

Disahkan Oleh,

Tandatangan & Cop
Pengetua Kolej Kediaman

Tarikh : _____